

ANGKA GILIRAN: _____



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JFW 460 – Kewangan Korporat

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Tuliskan angka giliran anda di atas setiap kertas jawapan anda.

Mesin kira saintifik dan kewangan boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

Serahkan **KESELURUHAN** kertas soalan peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas. Kertas soalan ini **TIDAK BOLEH** dibawa keluar dari dewan peperiksaan.

SOALAN 1 [20 markah]

- (a) Terangkan risiko kecairan dan risiko mungkir (*default risk*), serta kaitan risiko tersebut dengan hasil bon. (8 markah)
- (b) Pada ketika ini, saham MER dijual pada RM80 sesaham. Dividen tahunan yang akan datang dijangka RM4 sesaham dan kadar pertumbuhan ialah 6%.
- (i) Berapakah kadar pulangan dijangka untuk saham MER? (4 markah)
- (ii) Jika kadar pulangan diperlukan untuk saham MER ialah 12%, kira **harga saham** dan **hasil dividen**. (8 markah)

SOALAN 2 [20 markah]

- (a) Syarikat Persisiran Bhd mengkehendaki tempoh bayar balik tiga tahun untuk projek pelaburan antarabangsanya. Jika syarikat tersebut mempunyai dua projek berikut untuk dipertimbang, nyatakan projek yang harus **diterima** atau **ditolak**.

Tahun	Aliran tunai Projek A (RM)	Aliran tunai Projek B (RM)
0	-40,000	-60,000
1	19,000	14,000
2	25,000	17,000
3	18,000	24,000
4	6,000	270,000

(10 markah)

- (b) Satu projek pelaburan mempunyai aliran tunai (dalam RM) seperti berikut:

$$CF_0 = -1,000,000$$

$$C_{01} = 200,000$$

$$C_{02} = 200,000$$

$$C_{03} = 200,000$$

$$C_{04} = 200,000$$

$$C_{05} = 200,000$$

$$C_{06} = 200,000$$

$$C_{07} = 200,000$$

$$C_{08} = 200,000$$

Jika kadar pulangan yang diperlukan ialah 12%, apakah keputusan pelaburan yang perlu dibuat dengan menggunakan NPV? IRR? Bagaimanakah kedua-dua keputusan tersebut berkait?

(10 markah)

SOALAN 3 [20 markah]

- (a) Bincangkan prinsip pelbagaian (*diversification*).

(10 markah)

- (b) Menurut CAPM, pulangan yang dijangkakan ke atas aset yang berisiko bergantung kepada tiga komponen. Jelaskan setiap komponen dan peranan komponen tersebut dalam menentukan pulangan yang dijangkakan.

(10 markah)

SOALAN 4 [20 markah]

- (a) Jika kenaikan dividen cenderung diikuti oleh peningkatan dalam harga saham, mengapakah dikatakan dasar dividen adalah tidak relevan?

(4 markah)

- (b) Apakah kesan pembelian semula saham kepada nisbah hutang syarikat? Cadangkan satu penggunaan lain untuk lebih wang tunai tersebut.

(6 markah)

- (c) Anda merupakan Ketua Pegawai Kewangan sebuah firma bukan pembayar dividen (*non-dividend paying firm*) yang kini mempunyai rizab tunai yang berlebihan. Anda sedang membuat persediaan untuk satu mesyuarat pengurusan dalaman. Dividen adalah salah satu agenda penting mesyuarat tersebut. Anda tahu bahawa Ketua Pegawai Eksekutif berminat untuk memulakan program dividen. Anda, bagaimanapun, menentang rancangan dividen pada ketika ini. Sediakan hujah yang baik untuk menyokong pandangan anda.

(10 markah)

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Jelaskan teorem Modigliani & Miller I.
- (b) Pada pertengahan hingga akhir tahun 1990-an, prestasi pelabur dana profesional adalah jauh lebih rendah berbanding dana indeks yang diuruskan secara pasif. Apakah kesan peristiwa ini terhadap isu kecekapan pasaran?

(10 markah)